

Dear Valued Customer,

RECLASSIFICATION OF MUDARABAH DEPOSIT ACCOUNTS AS MUDARABAH INVESTMENT ACCOUNTS

Pursuant to the enforcement of *the Islamic Financial Services Act 2013* (“IFSA”), all Islamic Banking Institutions are required to reclassify existing Islamic deposits products in accordance with the transition requirements prescribed by Bank Negara Malaysia (“BNM”). Under IFSA, our existing Murabahah-based (cost plus sale) products that are principal guaranteed by the Bank will be classified as Islamic Deposits, whereas our existing Mudarabah-based (profit sharing) products that are non-principal guaranteed will be classified as Investment Accounts.

In line with the transition requirement of BNM, with effect from **16 June 2015** (“Effective Date”), selected Mudarabah accounts will be reclassified to Investment Accounts known as “Mudarabah Investment Accounts”. The applicable product is General Investment Account-i.

This reclassification gives you the opportunity to invest in a portfolio of assets managed by the Bank (also known as Term Fund-i). Your account number(s), certificate numbers (s) and all existing operations of your account(s) shall remain in effect and unchanged.

Key features of Mudarabah Investment Accounts are as follows:

- Expected higher returns than deposit accounts
- Account holders may withdraw their funds at any time with no penalty
- Low to moderate risk investment where principal preservation is paramount

Please be advised that Mudarabah Investment Accounts will not be covered by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

For further information on Mudarabah Investment Accounts, please log on to our websites at www.maybank.com.my/islamic or visit any of our branches for the following documents:

1. Product Disclosure Sheet of the Mudarabah Investment Account
2. Terms and Conditions of the Mudarabah Investment Account
3. Frequently Asked Questions (FAQs) on the product and/or the reclassification exercise

As an existing Mudarabah account holder(s) and based on your financial profile with us, we recommend that you maintain your Mudarabah account(s) to enjoy potentially higher returns and to benefit from the enhanced features upon reclassification.

Should you agree to reclassify your Mudarabah account(s) to Mudarabah Investment Account(s), kindly respond to us by 31 May 2015 through the following channels:

1. *Call us at (1-800-88-2028)
Please be informed that our line is open daily from 8am to 11pm.*
2. *Maybank2u
Please log in and select “Accounts & Banking” to provide your response.*
3. *Branches / Mail
Please complete the “Response Form” as enclosed in Appendix 1 and return it to us via our branches.*

We also enclose the Suitability Assessment Form in **Appendix 2** for your further action. Please mail it to us at your convenience.

If you decide not to reclassify your account or if we do not hear from you, your account will be converted to an Islamic Deposit (Murabahah-based) upon the Effective Date. Your account number(s), certificate number (s) and all existing operations of your account(s) shall remain in effect and unchanged.

We acknowledge and appreciate your support in banking with us. We look forward to a mutually beneficial relationship with this new Mudarabah Investment Account.

HUMANISING FINANCIAL SERVICES

Thank you

Yours sincerely,
For Maybank Islamic Berhad



Muzaffar Hisham
Chief Executive Officer

Appendix 1: Response Form

*Must be completed by customer:

Name :
 Account No :

Please indicate (v) your decision in the box below by selecting one option:

Mudarabah Investment Account	Islamic Deposit (Murabahah-based)
<ul style="list-style-type: none"> • Investment is managed by the Bank with minimal risk • Potentially higher returns than deposit accounts. • Principal not guaranteed by the Bank • All existing benefits remain 	<ul style="list-style-type: none"> • Principal guaranteed by the Bank. • Return is pre-agreed.
<input type="checkbox"/> I/We understand the Product Disclosure Sheet and wish to reclassify to Mudarabah Investment Account	<input type="checkbox"/> I/We wish to convert to Islamic Deposit

Please sign here:

.....
 Name:
 NRIC No:
 Date:

Account No. : _____
 Product Type : **Mudarabah Investment Account**
 Name : _____

NOTE:

(1) THIS FORM SERVES AS ADDITIONAL INFORMATION TO BETTER UNDERSTAND YOUR PROFILE NEEDS AND OBJECTIVES. PLEASE NOTE YOU MAY DECIDE NOT TO SHARE THE REQUIRED INFORMATION AND PROCEED DIRECTLY TO COLUMN C BELOW
 (2) CUSTOMERS ARE ADVISED TO EXERCISE JUDGEMENT IN MAKING AN INFORMED DECISION IN RELATION TO THE MUDARABAH INVESTMENT ACCOUNT PRODUCT.

A. CUSTOMER NEEDS ANALYSIS

1. Share with us your financial objective:

Savings

Investment

Retirement

Others

(please state).....

Please Select/Tick (/) Only
One (1)

2. Share with us your financial preference:

a) Mudarabah Investment Account
 - Capital managed by the Bank with minimal risk
 - Expected higher returns than deposit accounts

b) Islamic Deposit Account
 - Capital protected by the Bank
 - Current and savings accounts: Return at the discretion of the Bank (Wadiah based - guaranteed custody) / Term deposit accounts: Return is pre-agreed (Murabahah based - cost-plus sale)

Please Select/Tick (/) Only
One (1)

B. CUSTOMER INVESTMENT KNOWLEDGE

1. I/We have dealt in securities and/or derivatives i.e. Shares, Unit Trust etc
2. I/We have relevant knowledge or experience to understand the risks associated with investment products
3. I/We have past investment experience
4. I/We understand the nature of the investment account product
5. I/We understand the terms of the investment account product

Please Select/Tick (/)
Yes No

C. CUSTOMER ACKNOWLEDGEMENT AND DECISION ON INVESTMENT ACCOUNT

I/We hereby acknowledge that:

- (1) All information provided by me/us (if any) is complete and accurate
- (2) I/We have read and understood the requirement of this Suitability Assessment Form and/or features of this product in the Product Disclosure Sheet
- (3) I/We have read and understood the enhanced general terms and conditions of the product and the recommendation of the Bank

Please Select/Tick (/)
Agree Disagree

Based on the above, I/We hereby decide as follows:-

The Bank recommends Mudarabah Investment Account if I/We prefer an account with the following features:	Please Select One (/)
1. Investment is managed by the Bank with minimal risk 2. Potentially higher returns than deposit accounts 3. Principal not guaranteed by the Bank 4. All existing benefits remain	<input type="checkbox"/> I understand the Suitability Assessment requirement and the Product Disclosure Sheet and wish to reclassify to Mudarabah Investment Account
The Bank recommends Islamic Deposit Account if I/ We prefer an account with the following features:	
1. Principal guaranteed by the Bank. 2. Current and savings accounts: Return at the discretion of the Bank (Wadiah based - guaranteed custody) / Term deposit accounts: Return is pre-agreed (Murabahah based - cost-plus sale)	<input type="checkbox"/> I wish to convert to an Islamic Deposit

SIGNATURE <i>(Primary account holder)</i>	SIGNATURE OF PRIMARY APPLICANT	
	Name: _____ ID No: _____ Date: _____	
SIGNATURE <i>(Sole Proprietorship)</i>	SIGNATURE OF SOLE PROPRIETOR FOR BUSINESS	
	Name: _____ ID No: _____ Date: _____	
AUTHORISED SIGNATORY <i>(Business)</i>	AUTHORISED SIGNATORY 1	AUTHORISED SIGNATORY 2
	Name: _____ ID No: _____ Date : _____	Name: _____ ID No: _____ Date: _____
	AUTHORISED SIGNATORY 3	AUTHORISED SIGNATORY 4
	Name: _____ ID No: _____ Date : _____	Name: _____ ID No: _____ Date: _____
	AUTHORISED SIGNATORY 5	AUTHORISED SIGNATORY 6
	Name: _____ ID No: _____ Date : _____	Name: _____ ID No: _____ Date : _____

Pelanggan yang dihargai,

PERTUKARAN AKAUN DEPOSIT MUDARABAH KEPADA AKAUN PELABURAN MUDARABAH

Berikutan penguatkuasaan *Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013* (“IFSA”), semua Institusi Perbankan Islam dikehendaki supaya menukar semula produk-produk deposit Islam menurut kaedah peralihan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”). Di bawah IFSA, produk-produk kami yang berasaskan Murabahah (jualan dengan tambahan keuntungan) yang mana prinsipal (wang simpanan) dijamin oleh Bank, akan diklasifikasikan sebagai Deposit Islam, manakala produk-produk yang berasaskan Mudarabah (perkongsian keuntungan) yang mana prinsipal tidak dijamin, akan diklasifikasikan sebagai Akaun Pelaburan.

Selaras dengan kaedah peralihan oleh BNM tersebut, berkuat kuasa mulai **16 Jun 2015** (“**Tarikh Kuat Kuasa**”), akaun Mudarabah terpilih akan ditukar kepada Akaun Pelaburan yang dikenali sebagai “Akaun Pelaburan Mudarabah”. Produk berkenaan ialah General Investment Account-i (Akaun Pelaburan Am-i).

Pertukaran ini memberi peluang kepada anda untuk melabur dalam portfolio aset yang diuruskan oleh Bank (dikenali juga sebagai Term Fund-i). Nombor akaun dan segala operasi akaun anda yang sedia ada akan kekal efektif dan tidak berubah.

Ciri utama Akaun Pelaburan Mudarabah adalah seperti yang berikut:

- Pulangan dijangka lebih tinggi daripada akaun deposit
- Pemegang akaun boleh menarik balik pelaburan mereka pada bila-bila masa tanpa dikenakan penalti
- Risiko pelaburan yang rendah ke sederhana beserta pengutamaan pengekalan prinsipal

Sila ambil maklum bahawa Akaun Pelaburan Mudarabah tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Untuk maklumat lanjut mengenai Akaun Pelaburan Mudarabah, sila layari laman sesawang kami di www.maybank.com.my/islamic atau datang sendiri ke mana-mana cawangan kami untuk mendapatkan dokumen-dokumen yang berikut:

1. Helaian Pendedahan Produk Akaun Pelaburan Mudarabah
2. Terma dan syarat Akaun Pelaburan Mudarabah
3. Soalan-soalan Lazim (FAQ) mengenai produk dan/atau proses pertukaran klasifikasi

Sebagai pemegang akaun Mudarabah sedia ada dan berdasarkan profil kewangan anda, kami mengesyorkan supaya anda mengekalkan akaun Mudarabah anda bagi menikmati potensi pulangan yang lebih tinggi serta mendapat manfaat daripada peningkatan ciri-ciri akaun tersebut selepas pertukaran klasifikasi.

*Sekiranya anda bersetuju untuk menukar klasifikasi akaun deposit Mudarabah anda kepada akaun pelaburan Mudarabah, sila hantar maklum balas anda kepada kami selewat-lewatnya pada **31 Mei 2015** melalui:*

1. *Hubungi kami di talian (1-800-88-2028)
Talian kami dibuka setiap hari dari jam 8 pagi hingga 11 malam.*
2. *Maybank2u
Sila layar masuk dan pilih “Akaun & Perbankan” (“Accounts & Banking”) untuk tindakan selanjutnya.*
3. *Cawangan Bank / Pos
Sila isi “**Borang Maklum Balas**” dalam Lampiran 1 dan hantar kepada kami melalui mana-mana cawangan kami.*

Kami juga menyertakan Borang Penilaian Kesesuaian dalam **Lampiran 2** untuk tindakan lanjut. Sila hantar borang tersebut kepada kami melalui mana-mana cawangan kami.

Sekiranya anda memilih untuk tidak menukar klasifikasi akaun anda atau jika kami tidak mendapat sebarang maklum balas daripada anda, akaun anda akan ditukar kepada Deposit Islam (berasaskan Murabahah) pada Tarikh Kuat Kuasa. Nombor akaun dan segala operasi akaun anda yang sedia ada akan kekal efektif dan tidak berubah.

Kami amat menghargai sokongan anda kerana memilih kami sebagai bank pilihan anda. Menjadi harapan kami supaya kita dapat sama-sama berkembang maju dengan Akaun Pelaburan Mudarabah yang baharu ini.

MENGINSANKAN PERKHIDMATAN KEWANGAN

Terima kasih

Yang ikhlas,
Untuk Maybank Islamic Berhad



Muzaffar Hisham
Ketua Pegawai Eksekutif

Lampiran 1: Borang Maklum Balas

*Perlu diisi oleh pelanggan:

 Nama :
 No Akaun :

Sila tandakan (✓) bagi pilihan anda dalam kotak di bawah. Sila pilih satu sahaja:

Akaun Pelaburan Mudarabah	Deposit Islam (berasaskan Murabahah)
<ul style="list-style-type: none"> • Pelaburan diuruskan oleh Bank dengan risiko yang minimum • Potensi pulangan yang lebih tinggi berbanding akaun deposit • Prinsipal tidak dijamin oleh pihak Bank • Semua manfaat sedia ada tidak berubah 	<ul style="list-style-type: none"> • Prinsipal dijamin oleh pihak Bank • Pulangan dipersetujui terlebih dahulu.
<input type="checkbox"/> Saya/Kami memahami Keperluan Penilaian Kesesuaian dan Helaian Pendedahan Produk dan ingin menukar klasifikasi kepada Akaun Pelaburan Mudarabah	<input type="checkbox"/> Saya/Kami ingin bertukar kepada Deposit Islam

Sila tanda tangan di sini:

 Nama :
 No. Kad Pengenalan :
 Tarikh :

No. Akaun _____
 Jenis Produk Akaun Pelaburan Mudarabah
 Nama _____

NOTA:

- (1) BORANG INI ADALAH SEBAGAI MAKLUMAT TAMBAHAN UNTUK LEBIH MEMAHAMI KEPERLUAN PROFIL DAN OBJEKTIF ANDA. HARAP MAKLUM BAHAWA ANDA BOLEH MEMILIH UNTUK TIDAK BERKONGSI MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN DAN TERUS KE BAHAGIAN C.
 (2) PELANGGAN DINASIHATI SUPAYA MEMBUAT PERTIMBANGAN YANG SEWAJARNYA DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN BERDASARKAN MAKLUMAT BERHUBUNG DENGAN PRODUK AKAUN PELABURAN MUDARABAH.

A. ANALISIS KEPERLUAN PELANGGAN

1. Sila nyatakan objektif kewangan anda:

Sila Pilih/Tandakan (/) Hanya Satu (1)

- | | |
|----------------------|--------------------------|
| Simpanan | <input type="checkbox"/> |
| Pelaburan | <input type="checkbox"/> |
| Persaraan | <input type="checkbox"/> |
| Lain-lain | <input type="checkbox"/> |
| (sila nyatakan)..... | |

2. Sila nyatakan keutamaan pengurusan kewangan anda:

Sila Pilih/Tandakan (/) Hanya Satu (1)

- | | |
|--|--------------------------|
| a) Akaun Pelaburan Mudarabah
- Prinsipal diuruskan oleh Bank dengan risiko yang minimum
- Potensi pulangan yang lebih tinggi berbanding akaun Deposit | <input type="checkbox"/> |
| b) Akaun Deposit Islam
- Prinsipal dijamin oleh Bank
- Akaun semasa dan akaun simpanan: Pulangan mengikut budi bicara Bank (berasaskan Wadiah - simpanan terjamin)/ Akaun deposit berjangka. Pulangan dipersetujui terlebih dahulu (berasaskan Murabahah - jualan dengan tambahan keuntungan) | <input type="checkbox"/> |

B. PENGETAHUAN PELABURAN PELANGGAN

Sila Pilih/Tandakan (/)

- | | Ya | Tidak |
|---|--------------------------|--------------------------|
| 1. Saya/Kami pernah berurusan dengan sekuriti dan/atau derivatif seperti Saham, Unit Amanah dll. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 2. Saya/Kami mempunyai pengetahuan atau pengalaman untuk memahami risiko yang berkaitan dengan produk pelaburan | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 3. Saya/Kami mempunyai pengalaman dalam pelaburan | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 4. Saya/Kami memahami ciri-ciri produk akaun pelaburan | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 5. Saya/Kami memahami terma-terma produk akaun pelaburan | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

C. PERAKUAN DAN KEPUTUSAN PELANGGAN KE ATAS AKAUN PELABURAN

Sila Pilih/Tandakan (/)

Saya/Kami dengan ini mengaku bahawa:

Setuju Tidak Setuju

- | | | |
|--|--------------------------|--------------------------|
| (1) Semua maklumat yang diberikan oleh saya/kami (jika ada) adalah lengkap dan betul. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| (2) Saya/Kami telah membaca dan memahami ciri-ciri produk ini dalam Helaian Pendedahan Produk | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| (3) Saya/Kami telah membaca dan memahami terma dan syarat am produk yang dipertingkatkan dan cadangan pihak Bank | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

Berdasarkan kenyataan di atas, Saya/Kami memutuskan untuk memilih:-

Pihak Bank mengesyorkan Akaun Pelaburan Mudarabah jika Saya / Kami memilih akaun dengan ciri-ciri berikut :	Sila Pilih Satu (/)
1. Pelaburan diuruskan oleh Bank dengan risiko minimum 2. Pulangan berpotensi lebih tinggi berbanding akaun deposit 3. Prinsipal tidak dijamin oleh pihak Bank 4. Semua manfaat sedia ada tidak berubah	<input type="checkbox"/> Saya memahami keperluan penilaian kesesuaian dan helaian pendedahan produk dan ingin menukar klasifikasi kepada Akaun Pelaburan Mudarabah
Pihak Bank mengesyorkan Akaun Deposit Islam jika Saya / Kami memilih akaun dengan ciri-ciri berikut:	
1. Prinsipal dijamin oleh pihak Bank. 2. Akaun semasa dan akaun simpanan: Pulangan mengikut budi bicara Bank (berasaskan Wadiah - simpanan terjamin)/ Akaun deposit berjangka : Pulangan dipersetujui terlebih dahulu (berasaskan Murabahah - jualan dengan tambahan keuntungan)	<input type="checkbox"/> Saya ingin bertukar kepada Deposit Islam

TANDA TANGAN <i>(Pemegang akaun utama)</i>	TANDA TANGAN PEMOHON UTAMA	
	Nama: _____ No. Kad Pengenalan: _____ Tarikh: _____	
TANDATANGAN <i>(Pemilik tunggal)</i>	TANDA TANGAN PEMILIK TUNGGAL PERNIAGAAN	
	Nama: _____ No. Kad Pengenalan: _____ Tarikh: _____	
PENANDA TANGAN YANG DIBENARKAN <i>(Perniagaan)</i>	PENANDA TANGAN YANG DIBENARKAN 1	PENANDA TANGAN YANG DIBENARKAN 2
	Nama: _____ No. Kad Pengenalan: _____ Tarikh: _____	Nama: _____ No. Kad Pengenalan: _____ Tarikh: _____
	PENANDA TANGAN YANG DIBENARKAN 3	PENANDA TANGAN YANG DIBENARKAN 4
	Nama: _____ No. Kad Pengenalan: _____ Tarikh: _____	Nama: _____ No. Kad Pengenalan: _____ Tarikh: _____
	PENANDA TANGAN YANG DIBENARKAN 5	PENANDA TANGAN YANG DIBENARKAN 6
	Nama: _____ No. Kad Pengenalan: _____ Tarikh: _____	Nama: _____ No. Kad Pengenalan: _____ Tarikh: _____